

MAHATHIR-UMNO

1983

ALOR SETAR, 24 AGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA NEUTUHAN DAN KEKUASAAN UMNO PERLU DIKEKALKAN UNTUK MENINGKATKAN KEMAJUAN NEGARA.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA SEMANGAT TERSEBUT JUGA DAPAT MENEGAKKAN MARUAH BANGSA, AGAMA DAN NEGARA INI.

DALAM PERUTUSANNYA DI BUKU CENDERAMATA SEMPENA PERASMIAN BANGUNAN UMNO KEDAH SABTU INI, BELIAU YAKIN PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO MEMPUYAI KEAZAMAN DAN KEMAMPUAN MENCAPAI HASRAT TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEKANKAN TENTANG PENTINGNYA PERPADUAN DALAM MELAKSANAKAN SEGALA CITA-CITA RAKYAT.

BELIAU MENYEBUT BANGUNAN TERSEBUT SEBAGAI SATU CONTOH BAHAWA USAHA YANG BERSATU ITU AKAN DAPAT MENGHASILKAN KEJAYAAN.

--LAGI 1133/AN

MAHATHIR-UMNO 2 ALOR SETAR

BANGUNAN 10 TINGKAT ITU BERTHARGA \$8 JUTA DAN DINAMAKAN +BANGUNAN TUNKU PUTERA+ BAGI MENGENANG JASA TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA ALHAJ, BEKAS PERDANA MENTERI DAN PRESIDEN UMNO.

IA TERLETAK DI TENGAH-TENGAH BANDAR INI DAN AKAN MENEMPATKAN IBUPEJABAT UMNO NEGERI, SERTA JUGA BANK-BANK DAN PEJABAT-PEJABAT AGENSI KERAJAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENSIFATKAN BANGUNAN TERSEBUT SEBAGAI SATU LAMBANG KEJAYAAN BAGI UMNO.

+IA JUGA ADALAH SATU LAMBANG KETEGUHAN PERPADUAN UMNO+, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP BANGUNAN ITU TIDAK AKAN MENJADI SATU LAMBANG YANG KAKU.

--LAGI 1137/AN

ZCZC 0519

MAHATHIR-UMNO 3 ALOR SETAR

SEBALIKNYA IA PERLU DIJADIKAN SEBAGAI PUSAT PENGGERAK BAGI MENGEKALKAN KEKUATAN PARTI, KATANYA.

SEMENTARA ITU, KIRA-KIRA 4,000 ORANG TETAMU DIJANGKA MENGHADIRI PERASMIAN BANGUNAN TERSEBUT. MERKA TERMASUK TUNKU ABDUL RAHMAN DAN JUGA BEKAS PERDANA MENTERI, TUN HUSSEIN ONN.

JURUCAKAP JAWATANKUASA PERASMIAN BERKATA PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL JUGA TELAH DIJEMPUT KE MAJLIS TERSEBUT.

SEMPENA PERASMIAN TERSEBUT, SATU PAMERAN SEJARAH UMNO NEGERI KEDAH AKAN DIADAKAN DI BANGUNAN BARU ITU.

--BERNAMA 1138/AN